

## ANALISIS ANIMASI OMAR & HANA DALAM PEMBELAJARAN ADAB-ADAB ISLAM KEPADA KANAK-KANAK

Nuraina Nisya binti Sabri

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Tel: +60183510925 Email: [ainanisya@raudah.usim.edu.my](mailto:ainanisya@raudah.usim.edu.my)

Nurul Muzayyanah binti Slamet

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Tel: +60195425053 Email: [mzynh02@raudah.usim.edu.my](mailto:mzynh02@raudah.usim.edu.my)

Kauthar binti Abd Kadir

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Tel: +60163194641 Email: [kauthar@usim.edu.my](mailto:kauthar@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Omar dan Hana merupakan sebuah siri animasi kanak-kanak pendidikan prasekolah yang berumur dua hingga enam tahun. Mengisahkan dua beradik, Omar dan Hana bersama keluarga dan rakan-rakan mereka dalam menyampaikan pembelajaran versi islamik yang disertakan bersama hiburan kepada kanak-kanak. Animasi ini juga mengandungi kandungan yang terkait dengan adab-adab Islam agar dapat dipelajari oleh semua peringkat umur dan mudah untuk menerapkan sifat tersebut dalam diri masing-masing terutamanya anak-anak yang masih kecil. Telah diterbitkan animasi Omar dan Hana ini dalam pelbagai bahasa antaranya Bahasa Melayu untuk pasaran di Malaysia manakala Bahasa Inggeris, Indonesia, Cina dan Arab pula untuk pasaran antarabangsa yang menunjukkan animasi ini telah dikenali diseluruh pelosok dunia. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis adab-adab Islam yang diajarkan kepada kanak-kanak menerusi animasi Omar dan Hana ini. Jenis kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif, kajian perpustakaan, analisis video dan tinjauan melalui bahan-bahan rujukan seperti artikel dan internet. Antara adab-adab Islam yang terkandung dalam animasi Omar dan Hana ialah adab makan, adab kepada kedua ibu bapa, adab dalam tolong-menolong sesama manusia dan adab mengucapkan kalimah-kalimah Allah. Kita perlu mengetahui waktu yang khusus untuk menyebutkan perkataan-perkataan tersebut mengikut keadaan yang bersesuaian. Kesemua adab-adab yang diajarkan dalam Islam adalah amat penting bagi seseorang untuk menanamkan sifat tersebut dalam diri kerana ianya merupakan amalan mulia yang telah lama diperkenalkan sejak zaman dahulu lagi. Adab-adab yang diterapkan dalam diri dapat menjadikan seseorang itu lebih berilmu kerana mendahulukan adab daripada segalanya, malahan dapat mengubah kehidupan seseorang itu kearah yang lebih baik dari segi luaran dan dalaman. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat menjadi pengajaran dan contoh yang baik kepada kanak-kanak disamping melahirkan generasi yang lebih beradab dikemudian hari.

**Kata kunci:** Pembelajaran, Adab-adab Islam, Animasi, Omar dan Hana.

### 1. Pengenalan

Pendidikan awal kanak-kanak adalah penting kerana dalam tempoh inilah personaliti kanak-kanak berkembang. Peringkat perkembangan seterusnya kebanyakannya ditentukan oleh kanak-kanak pada usia ini. Memandangkan perkembangan kanak-kanak adalah satu kesinambungan, peristiwa yang berlaku pada satu peringkat awal memberi kesan kepada peringkat seterusnya. Sikap, sama ada positif atau negatif terkait dengan orang-orang terdekat (Komariyah, 2014). Pembentukan akhlak merupakan salah satu aspek yang paling penting dalam perkembangan kanak-kanak. Menurut teori Jean Piaget, bayi memerhati semua aktiviti di sekeliling mereka antara umur 0 hingga 2 tahun. Selain itu, perkara yang dilihat oleh kanak-kanak berusia antara umur 2 hingga 7 tahun pula mudah masuk dalam ingatannya dan tersimpan di dalam otaknya. Semasa peringkat perkembangan ini, kanak-kanak tidak dapat membezakan perkara baik dan buruk untuk diikuti olehnya. Walau bagaimanapun, ramai ibu bapa tidak menyedari bahawa anak-anak mungkin meniru apa yang dilihat di sekitar mereka dan ibu

bapa juga harus memberi perhatian apabila anak-anak mereka bermain dengan orang disekitarnya seperti rakannya (Faridah, 2021).

Namun begitu, di era yang moden ini, ibu bapa perlu memberikan lebih penekanan terhadap apa yang dilihat oleh anak-anak mereka oleh kerana perkembangan teknologi yang semakin canggih. Salah satu alat penyampaian maklumat adalah media massa yang dapat membantu orang ramai dalam mencari maklumat di dalam dan di luar negara. Media massa boleh memberi impak yang bermanfaat. Namun jika sebaliknya, penggunaan media yang tidak diselia dengan betul boleh memberi kesan buruk kepada kesejahteraan individu, masyarakat, dan juga negara (Mohd Hamdan, 2015). Sikap seseorang individu juga dipengaruhi oleh apa yang dilihat ataupun ditonton di dalam media massa. Tambahan lagi, tingkah laku kanak-kanak ditiru dari apa yang mereka dengar dan perhatikan daripada siaran dan persekitarannya (Mega Nur'Afini & Nadri Taja, 2022). Mereka mudah dipengaruhi oleh media yang mereka gunakan. Sebagai contoh, animasi "Omar & Hana" boleh berfungsi sebagai medium pembelajaran adab-adab Islam kepada kanak-kanak. Di samping adab-adab yang diajarkan juga terselit hiburan pendek yang mampu menarik perhatian kanak-kanak. Kanak-kanak amat menyukai animasi, sejak mereka masih kecil. Hal ini kerana unsur-unsur muzik, visual dan integriti terdapat dalam animasi yang menjadikannya menarik. Kanak-kanak berasa selesa dan gembira semasa tayangan animasi ini kerana gabungan teknologi yang terkini. Terdapat banyak animasi yang mampu memberikan pengajaran moral yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Tetapi terdapat juga animasi yang masih tidak mampu menyampaikan pengajaran moral (Faridah, 2021).

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pembelajaran adab-adab Islam yang dikongsikan melalui animasi filem Omar dan Hana kepada kanak-kanak. Animasi "Omar dan Hana" merupakan sebuah filem animasi terkenal yang berasal dari Malaysia. Animasi ini boleh ditonton di YouTube, rancangan TV Malaysia dan juga beberapa platform streaming. Karakter utama dalam animasi ini ialah "Omar" yang merupakan seorang kanak-kanak lelaki yang cerdas dan penuh rasa ingin tahu. "Hana" pula adik perempuan Omar yang ceria dan penuh semangat. Setiap episode animasi ini kebiasaannya berdurasi sekitar 5-10 minit. Animasi ini juga berunsurkan muzik bagi menarik lagi minat kanak-kanak untuk menonton animasi ini di samping dapat menyampaikan pesanan adab-adab yang diajarkan Islam. Animasi filem "Omar dan Hana" tidak hanya terkenal di Malaysia, malah juga berbagai negara dengan majoriti penduduk Muslim. Ibu bapa juga dapat menjadikan animasi ini sebagai salah satu sumber bagi mendidik anak-anak mereka akan adab-adab Islam.

## **2. Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu mengumpul data daripada kajian perpustakaan, analisis video dan tinjauan bahan-bahan rujukan seperti penyelidikan melalui internet, jurnal, kajian lepas yang digunakan sebagai rujukan berdasarkan pernyataan masalah dalam penyelidikan ini. Kaedah ini digunakan untuk mencari maklumat tentang situasi, fakta, penerangan sistematik serta kaitannya dengan bahan yang dianalisis.

## **3. Pemilihan Sampel Kajian**

### **3.1 Omar dan Hana**

Animasi Omar dan Hana mengisahkan kisah-kisah Islamik tentang persahabatan, keluarga, dan kehidupan di rumah serta sekolah dengan teman Islamik. Pelajaran Islam diajar dalam animasi Omar dan Hana, seperti mempelajari abjad hijaiyah, membiasakan diri menyebut Bismillah, sentiasa membantu orang lain dan menghormati orang yang lebih tua. Kanak-kanak mudah untuk memahami lagu pendek yang terdapat dalam filem animasi ini. Petikan ayat Al-Quran, hadis, dan peribahasa digunakan pada akhir lagu untuk memperkuat pesan lagu (Westari, 2021).

Animasi ini diproduksi oleh Digital Durian Animation Studio Sdn Bhd yang berlokasi di Cyberjaya, Selangor. Pada Ramadan 2017, musim pertama animasi Omar dan Hana mulai diperkenalkan. Animasi ini disiarkan melalui platform televisyen dan secara percuma di saluran YouTube Omar & Hana yang memiliki lebih dari 5.71 juta pelanggan. Pada tahun 2018, “Omar & Hana” mula dikenali di Indonesia setelah melintasi Selat Melaka dan menjadi terkenal di sana. Ini bermaksud awal dari perjalanan luar biasa mereka. Kini, animasi Omar & Hana di saluran YouTube tersedia dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, dan Bahasa Indonesia serta disiarkan di TV satelit, ditonton oleh kanak-kanak di lebih 50 negara. “Omar & Hana” sangat teruja untuk melanjutkan perjalanan mereka ke lebih banyak bandar dan memperoleh lebih banyak rakan di seluruh dunia (Durian, 2022).

Di samping itu, Omar dan Hana adalah adik beradik yang mempunyai sifat yang berbeza. Hana yang berusia empat tahun adalah seorang kanak-kanak yang ceria, berani, bertenaga dan menyayangi kucing, manakala Omar yang berusia enam tahun adalah seorang anak muda yang bijak, ingin tahu dan percaya diri. Sebelum memulakan sesuatu perkara, Omar dan Hana sentiasa berdoa terlebih dahulu, maka dengan cara tersebut hasilnya lebih baik dan istimewa apabila mereka berdoa. Melalui cara bermain dan nyanyian muzik Islam, rancangan ini bukan sahaja menghiburkan penonton tetapi juga menyampaikan ilmu agama dengan cara yang cukup mudah untuk difahami oleh kanak-kanak (Zola Westri & Rismareni Pransiska, 2021).

### 3.2 Pembelajaran

Pembelajaran merupakan sebuah proses di mana seseorang individu memperoleh pengetahuan, pemahaman, kemahiran atau nilai-nilai melalui pengalaman, pelajaran atau informasi berkaitan sesuatu perintah. Ini boleh terjadi dalam pelbagai konteks dan di mana sahaja, mahupun dari pendidikan formal melalui sekolah seperti membaca dan menulis ataupun pembelajaran secara tidak formal melalui persekitaran. Pembelajaran terjadi secara langsung atau tidak langsung melalui pengalaman semasa, observasi atau refleksi yang dilakukan untuk mendapat hasil daripada apa yang dipelajarinya. Tujuan utama pembelajaran adalah membolehkan individu untuk meningkatkan diri, merintangai cabaran dan menghasilkan perubahan yang positif dalam kehidupan mereka.

Definisi pembelajaran biasanya dimaksudkan sebagai perubahan individu yang disebabkan oleh pengalaman (Slavin, 1997; Mazur, 1990; Rocklin, 1987). Akan tetapi, pembelajaran juga tidak merujuk kepada perubahan fizikal akibat perkembangan seperti mengalami pertambahan ketinggian pada seseorang. Tambahan, dari sudut pandangan Crow dan Crow (1983) pula menyifatkan pembelajaran merupakan pemerolehan tabiat, pengetahuan dan sikap serta melibatkan cara baru membuat sesuatu kerja. Ini berlaku dalam percubaan seseorang individu itu untuk mengatasi halangan atau menyesuaikan diri dalam situasi yang baharu bagi mereka.

Pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku yang melibatkan keterampilan kognitif iaitu penguasaan ilmu dan intelek (Rahil Mahyuddin, 2000). Tiga kriteria penting dalam proses pembelajaran ialah wujudnya perubahan di dalam tingkah laku, melibatkan sesuatu pemikiran dan menghasilkan perubahan melalui pengalaman atau latihan (Stalling, 1973). Pendapat yang dikatakan oleh Stalling ini diperkuatkan lagi dengan pendapat Woolfolk (1980) yang mengatakan, pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru atau dianggap sebagai potensi yang mampu menghasilkan tindak balas yang baharu.

### 3.3 Adab-adab Islam

Islam amat menitikberatkan adab dan akhlak yang berkait rapat dengan perihal keagamaan kerana perkara ini telah menjadi kunci utama dalam ajaran Islam, tambahan pula adab dan akhlak telah dimuliakan dan diwujudkan sendiri oleh Nabi Muhammad SAW sejak dahulu lagi. Tidak dinafikan, kita sebagai umat Islam disarankan untuk mengikuti segala tingkah laku, kebaikan yang telah

ditunjukkan oleh baginda dari segala aspek kerana baginda merupakan contoh tauladan kepada umatNya. Telah berfirman Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Bermaksud: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta banyak menyebut dan mengingati Allah (sama ada ketika dalam kesusahan mahupun kesenangan).” (Surah Al-Ahzab, ayat 21)

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kalimah adab membawa maksud tingkah laku serta tutur kata yang sopan, berbudi bahasa dan budi pekerti yang halus. Adab juga dapat didefinisikan sebagai cara seseorang berkelakuan dalam sesuatu situasi tertentu tidak kira pada perbezaan umur, agama dan budaya. Menyentuh tentang perhubungan antara adab dan akhlak, Prof. Mohd Yusof Haji Othman (2006) menyatakan adab tidak boleh dibataskan fahamannya kepada perlakuan yang betul, dilakukan pada masa dan suasana tertentu sahaja. Namun lebih dari itu, adab perlu difahami dengan konsep yang lebih luas dan terbuka melebihi daripada fahaman tentang perkara dan tindakan yang perlu dilakukan mengikut keadaan persekitarannya.

Dari segi istilah, adab adalah kebiasaan dan tingkah laku yang membawa kadar nilai murni yang diwariskan dari satu generasi ke generasi yang berikutnya (Abd. Haris, 2010). Menurut G.E. Von Grunebaum, dalam *Medieval Islam: A Study in Cultural Orientation*, perkataan adab sudah dikenal dalam bahasa Arab sejak zaman sebelum Islam, tetapi istilah adab ini mempunyai makna yang berubah-ubah sesuai dengan konteks yang melingkupinya. Al-Jurjani memberi batasan bahawa adab merupakan pengetahuan yang dapat menjauhkan seseorang yang beradab dari sebarang kesalahan. Adab dalam arti inilah yang mungkin digunakan oleh Abu Al-Hassan Ali Al-Bashri Al-Mawardi yang memberi tajuk bukunya dengan *‘Adab ad-Dunya wa ad-Din’*. Adab juga boleh memberi makna pendidikan agar anak didik memiliki adab yang baik.

Terkait dengan adab ini, Syed Muhammad An-Naquib Al-Attas, akar kata adab didasarkan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang secara jelasnya menggunakan istilah adab bagi menerangkan tentang didikan Allah SWT yang mana ianya merupakan sebaik-baik didikan yang telah diterima oleh baginda. Hadis tersebut berbunyi: *“Addabani Rabbi fa ahsana Ta’dibi”* yang membawa maksud “Aku telah dididik oleh Tuhanku maka pendidikanku itu adalah yang terbaik”. Al-Attas juga mengatakan bahawa adab adalah ilmu tentang tujuan mencari ilmu pengetahuan dalam Islam sedangkan tujuannya adalah menanamkan kebaikan dalam diri sebagai manusia dan sebagai peribadi. Manakala, menurut Marwan Ibrahim Al-Kaysi (2003) pula adab bererti akhlak yang baik atau perilaku baik yang diambil dari Islam, berasal dari segala ajaran dan perintahnya. Dalam erti kata lain, adab bermakna pendidikan dan merupakan refleksi ideal mulia yang harus menginformasikan praktik keahlian (Abd Haris, 2010).

#### 4. Perbincangan

Berdasarkan filem animasi Omar dan Hana, antara episod, dialog, dan isi kandungan yang berkait dengan pembelajaran adab-adab Islam adalah:

##### 4.1 Adab sebelum melakukan sesuatu perkara

Episode: Bismillahirrahmanirrahim



<p>Penerangan</p>	<p>Omar dan Hana yang sedang mewarna di meja luar rumah kemudian ibunya datang menyapa untuk bermain. Omar dan Hana serta ibunya mengajarkan untuk membaca “Bismillahirrahmanirrahim” sebelum bermain dan melakukan segala perkara.</p>
<p>Adab Islam</p>	<p>Setiap perkara yang hendak dilakukan sebaiknya dimulakan dengan bismillah kerana dalam sabda Nabi SAW: <i>“Perkara yang tidak dimulai dengan bismillah maka amalan tersebut terputus keberkatannya”</i>. (Hadis riwayat Abu Daud, An-Nasaie &amp; Ibn Majah)</p>

**4.2 Adab kepada kedua ibu bapa**


Episode: Ya Mama Ya Papa



<p>Penerangan</p>	<p>Omar dan Hana sedang bermain-main bersama kucing di halaman rumah mereka. Kemudian, ayah mereka yang sedang berkebun memanggil, namun Omar hanya menjawab “apa papa? Kejap kejap”. Lalu ibunya yang sedang menyapu laman tersebut perasan</p>
-------------------	--


	akan respon Omar justeru menegur Omar untuk menyahut seruan ayah mereka dengan menjawab “ya”. Seterusnya, Omar dan Hana menurut kata serta membantu ibu bapa mereka dalam mnegerjakan tugas-tugasan.
Adab Islam	Allah SWT berfirman Al-Quran, surah Luqman ayat 14 <i>“Dan Kami perintahkan kepada manusia (agar berbuat baik) kepada kedua orang tuanya, ibunya telah mengandungkannya dengan keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusukannya selama dua tahun, bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua orang tuamu, hanya kepada Aku kembalimu”</i> . Sebagai seorang anak, kita mestilah berbuat baik dengan cara menjawab dengan baik, menolong mereka dan lakukan apa yang mereka suruh selagi ia mendatangkan kebaikan.

### 4.3 Adab kepada orang yang lebih tua

<p>Episod: Hormati yang Tua</p> 	
Penerangan	Omar dan Hana sekeluarga pulang ke kampung bersama untuk melawat datuk dan neneknya. Mereka sangat gembira kerana dapat membantu di halaman rumah kemudian Omar dan Hana meminta izin ayahnya untuk memberi makan. Datuk menasihati mereka untuk bersabar dan menghormati ayahnya yang sedang sibuk membantu datuk. Setelah selesai, datuk berehat seketika lalu Omar dan Hana membantu mengurutnya kerana itu dianggap sebagai adab kepada yang lebih tua. Pada waktu malam, mereka sekeluarga makan bersama akan tetapi Omar dan Hana tidak sabar lalu ditegur oleh ibu bapanya untuk mengutamakan datuk dan nenek terlebih dahulu dan diminta untuk bersabar.

<p>Adab Islam</p>	<p>Jika terdapat sekeliling kita orang yang lebih tua, wajarlah keatas kita meletakkan adab kita yang paling tinggi kepada mereka kerana perbezaan usia yang ketara. Sesungguhnya terdapat balasan kepada sesiapa yang menghormati orang tua kerana ianya juga merupakan perintah terbesar daripada Allah SWT untuk menjadikan kita sebagai insan yang penuh dengan adab dan sopan. Nabi SAW bersabda: <i>“Jibrail memerintahkan aku untuk mengutamakan orang lebih tua”</i>. (Hadis Riwayat Ahmad &amp; Baihaqi)</p>
-------------------	---

#### 4.4 Adab ketika melawat jiran

<p>Episod: Seronoknya Berkunjung</p> 	
<p>Penerangan</p>	<p>Omar dan Hana sekeluarga berkunjung ke rumah jirannya untuk mengeratkan silaturahim akan tetapi tidak mulia tingkah laku Omar dan Hana kerana mengetuk pintu dengan kuat. Kemudian, ibu bapanya menasihati mereka untuk memberi salam dan mengetuk pintu dengan perlahan. Selain itu, Omar juga ditegur agar tidak mengintai kedalam rumah dan memintanya untuk menunggu dengan sabar. Apabila kita berada didalam rumah yang dilawati, hendaklah kita menjaga barang tuan rumah dengan tidak merosakkannya serta merendahkan suara sebagai tanda menghormati tuan rumah.</p>
<p>Adab Islam</p>	<p>Telah berfirman Allah SWT didalam Al-Quran: <i>“...Janganlah kamu masuk rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya”</i> (Surah An-Nur: 27). Sebagai tetamu yang membawa berkat kepada tuan rumah, hendaklah kita menjaga adab dan tingkah laku ketika berkunjung ke rumah jiran atau sesiapa sahaja bagi menambahkan kasih saayang antara satu sama lain dan mengurangkan ketidakselesaan kepada tuan rumah mahupun tetamu. Tidak lupa juga untuk berterima kasih kepada</p>

	<p>tuan rumah kerana melayan tetamu dengan sangat mulia malah mendahulukan tetamu daripada segalanya.</p>
--	---

#### 4.5 Adab dalam menyebarkan berita

Episod: Tabayyun (Jangan Sebar Berita Palsu)



Penerangan	<p>Datuk mendapat berita bahawa terdapat penyakit yang sedang tular berjangkit lalu memberitahu ke seluruh keluarga. Nenek berpesan untuk memastikan berita tersebut adalah benar sebelum menyebarkannya tetapi tidak diendahkan oleh datuk. Kemudian, disampaikan oleh pemberita bahawa berita tersebut adalah tidak benar dan meminta orang awam untuk tidak menyebarkan lagi.</p>
Adab Islam	<p>Hendaklah kita memeriksa dan memastikan berita yang didengari itu adalah benar bagi mengelakkan dari berlakunya penyebaran berita palsu dan akan mendatangkan kemurkaan Allah SWT serta tergolong dalam golongan pendusta. Sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Hafs bin Asim RA, sabda Nabi SAW: “Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila menceritakan semua yang didengarinya (tanpa tabayyun)”. (Hadis Riwayat Muslim)</p>

#### 4.6 Adab sebelum, semasa dan selepas makan

Episod: Adab Makan





<p>Penerangan</p>	<p>Omar, Hana dan kawan-kawannya berkelah ditepi pantai. Cikgunya mengajak mereka untuk duduk makan bersama malahan mengajarkan mereka tentang adab sebelum, semasa dan selepas makan. Antaranya ialah cuci tangan, membaca doa sebelum makan, menggunakan tangan kanan semasa makan, berkongsi makanan bersama-sama dan tidak gelojoh sehingga mulut penuh. Mereka juga mengemas tempat setelah selesai makan dan membaca doa sebagai tanda berterima kasih kepada Allah SWT.</p>
<p>Adab Islam</p>	<p>Sebagai umat Islam yang telah dididik dengan ajaran yang baik, kita haruslah mengekalkan adab-adab yang telah diajarkan sewaktu makan iaitu pentingnya makan menggunakan tangan kanan seperti dinyatakan dalam hadis Nabi SAW: <i>“Apabila seseorang kamu makan, makanlah dengan tangan kanannya. Apabila dia minum, minumlah dengan tangan kanannya. Ini kerana syaitan makan dan minum dengan tangan kiri”</i>. (Hadis Riwayat Muslim)</p>

**4.7 Adab menjaga kebersihan**

Episod: Kutip dan Buang



Penerangan	Omar dan Hana sedang bersantai sambil memakan aiskrim dan apabila Omar telah selesai, dia membuang batang aiskrim begitu sahaja kemudian ditegur oleh ayahnya untuk mengutip semula sampah tersebut untuk mengelakkan pembuangan sampah berlaku dikawasan itu. Ayahnya berpesan untuk sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar mahupun diri kerana itu telah menjadi sebahagian daripada perintah Allah SWT.
Adab Islam	Sentiasalah menjaga kebersihan tidak kira dimana sahaja berada kerana sesungguhnya Allah menyukai orang yang menjaga kebersihan dan perkara tersebut merupakan sebahagian daripada iman. Persekitaran yang bersih dapat menjadikan suasana lebih ceria dan indah oleh sesiapa yang sahaja yang melihatnya.

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian, filem animasi Omar dan Hana dapat memberi banyak pengajaran dan adab-adab Islam yang boleh dipelajari oleh kanak-kanak. Animasi ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu medium pembelajaran bagi kanak-kanak bagi mengenal adab-adab Islam secara tidak langsung yang mana disampaikan dalam bentuk dialog, muzikal serta visual. Contohnya adab ketika melawat jiran, adab makan, adab dalam menyebarkan berita, adab kepada orang yang lebih tua, adab menjaga kebersihan serta adab menyebut nama Allah dan adab kepada kedua ibu bapa. Kesemua adab-adab ini disiarkan dalam episod siri animasi Omar dan Hana. Mufti Ismail Menk ada mengatakan bahawa “Omar & Hana” adalah alternatif yang amat diperlukan oleh dunia. Kanak-kanak tidak hanya membuang masa dengan kartun yang tidak bermanfaat malah boleh mempelajari doa, agama, Al-Quran, sunnah dan banyak kebaikan. Kemudian, dipersetujui oleh Imam Omar Suleiman yang mengatakan bahawa Omar & Hana merupakan satu usaha yang luar biasa, yang dapat dimanfaatkan oleh kanak-kanak (Durian, 2022). Oleh itu, filem animasi “Omar & Hana” mampu memberi impak positif kepada kanak-kanak masa kini dan diharapkan agar filem animasi yang berunsurkan dakwah dan nilai adab-adab Islam seperti “Omar & Hana” ini dapat diteruskan dan diperkembang pesatkan lagi ke serata dunia dan menjadi contoh bagi animasi-animasi yang lain.

## 6. Rujukan

- Al-Kaysi, M. I. (2003). *Morals and Manners in Islam: A Guide to Islamic Adab*. Kube Publishing Ltd.
- Crow, L. &. (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haris, D. A. (2010). *Etika Hamka: Konstruksi Etik Berbasis Rasional-Religijs*. Lkis Pelangi Aksara.
- Hoy, A. W. (1980). *Educational Psychology for Teachers*. Prentice-Hall.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latipah Hasanah, Azkiyatul Farichah, Indah Safitri, Nabila Arahma Wardani, Nanda Putri ‘Ainu Wardah. (2023). Nilai Moral dalam Film Kartun Animasi Omar dan Hana. *Jurnal Ilmiah PESONA PAUD*, 10, 26-28.
- Mega Nur' Afini & Nadri Taja. (2022). Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Religius dalam Film Omar dan Hana. *Jurnal Riset Pendidikan Agama Islam (JRPAI)*, 57-64.

- Mahyuddin, R. (2000). *Psikologi Pendidikan II*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Mazur, J. E. (1990). *Learning and Behavior (2nd ed.)*. Prentice Hall.
- Nor Athirah binti Saiful Bahri, Nur Izzati binti Jemar@Jamal & Syed Najihuddin bin Syed Hassan. (2023). Animasi "Omar & Hana" Sebagai Medium Penyebaran Gaya Hidup Islam Kepada Kanak-kanak. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari*, 29-40.
- Rocklin, T. (1987). Defining Learning: Two Classroom Activities. *Teaching of Psychology*, 228-229.
- Slavin, R. E. (1997). *Educational Psychology: Theory and Practice (5th ed.)*. Allyn and Bacon.
- Stallings, L. M. (1973). *Motor Skills: Development and Learning*. W.C. Brown Company.
- Zola Westri & Rismareni Pransiska . (2021). Analisis Nilai-Nilai Agama Dan Moral Anak Usia Dini Pada Film Animasi Omar Dan Hana. *Jurnal Golden Age, Universitas Hamzanwadi*, 221-232.
- Omar & Hana - Lagu Kanak-Kanak Islam. (2017, Jun 14). *Omar & Hana / Bismillahirrahmanirrahim | Lagu Kanak-Kanak Islam* [Video]. Retrieved May 29, 2024, from [https://youtu.be/O3Bw\\_jU3Ws0?feature=shared](https://youtu.be/O3Bw_jU3Ws0?feature=shared)
- Omar & Hana - Lagu Kanak-Kanak Islam. (2017, Oktober 3). *Omar & Hana / Hormati Yang Tua | Lagu Kanak-Kanak Islam* [Video]. Retrieved May 23, 2024, from <https://youtu.be/BPhdhVfbL2g?si=G598INmaA38j-zC->
- Omar & Hana - Lagu Kanak-Kanak Islam. (2018, Januari 4). *Omar & Hana / Seronoknya Berkunjung | Lagu Kanak-Kanak Islam* [Video]. Retrieved May 23, 2024, from <https://youtu.be/X2EQAFjOC9U?si=P-NTXCeJqsVUPLRP>
- Omar & Hana - Lagu Kanak-Kanak Islam. (2018, September 5). *Omar & Hana / Hormati Yang Tua | Lagu Kanak-Kanak Islam* [Video]. Retrieved May 23, 2024, from <https://youtu.be/c7v1Thu7CWg?si=nLxSkyojUiV4tH11>
- Omar & Hana - Lagu Kanak-Kanak Islam. (2019, Januari 18). *Omar & Hana / Ya Mama Ya Papa | Lagu Kanak-Kanak Islam* [Video]. Retrieved May 29, 2024, from <https://youtu.be/Kj7sMdiJTmA?si=mQk0l-KGxuB56q5Z>
- Omar & Hana - Lagu Kanak-Kanak Islam. (2020, Jun 17). *Omar & Hana / Adab Makan | Lagu Kanak-Kanak Islam* [Video]. Retrieved May 23, 2024, from <https://youtu.be/srPizSaWszI?si=gRkkb1MD9Wm6wNeO>
- Omar & Hana - Lagu Kanak-Kanak Islam. (2020, September 20). *Omar & Hana / Tabayyun: Jangan Sebar Berita Palsu | Lagu Kanak-Kanak Islam* [Video]. Retrieved May 23, 2024, from [https://youtu.be/8V7\\_WIIjdig?si=EzQGAWgUGBwdVMZa](https://youtu.be/8V7_WIIjdig?si=EzQGAWgUGBwdVMZa)